



**DR. WAHID RAZZALY** (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Amir Ahmad sambil disaksikan oleh Ab. Aziz Kaprawi pada majlis menandatangani MoU di UTHM, Johor baru-baru ini.

## MoU penyelidikan tenaga hijau

**U**NIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Amiran Technology Sdn. Bhd., menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meningkatkan peluang kerjasama dalam penyelidikan tenaga hijau dalam membangunkan produk terbaru yang dihasilkan oleh syarikat tersebut.

MoU itu telah ditandatangani Naib Canselor, **Profesor Ts Dr. Wahid Razzaly**, manakala Amiran Technology Sdn. Bhd. diwakili Presidennya, Amir Ahmad sambil disaksikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, Ab. Aziz Kaprawi yang juga Timbalan Menteri Mentor UTHM.

Syarikat Amiran Technology sebelum ini telah menghasilkan produk *MyHydro* iaitu produk yang berfungsi memecahkan air kepada gas hidrogen dan oksigen melalui proses elektrolisis terkawal.

Gas hidrogen dan oksigen itu disalurkan melalui ruang udara enjin kenderaan, apabila petrol disuntik dan dinyalakan campuran gas tersebut turut



terbakar.

Pembakaran petrol itu hasil daripada pembakaran gas hidrogen yang mempunyai kadar nyalaan yang tinggi. Hasil pembakaran bahan api yang keluar daripada ekzos kenderaan itu lebih bersih, manakala suhu ekzos juga akan menjadi lebih rendah berbanding biasa.

Penghasilan gas tersebut bersifat *in-situ* dan *on-demand* di mana tiada tong simpanan gas hidrogen diperlukan. Ia juga dilengkapi dengan *flame arrestor* bagi mengandakan ciri-ciri keselamatan produk tersebut.

Wayar dan sambungan yang digunakan adalah menepati piawai automotif. Insiden letupan adalah hampir sifar, walaupun kenderaan tersebut mengalami kemalangan.

MoU ini menjadi penanda aras antara UTHM dan Amiran Technology dalam memenuhi piawaian penghasilan produk *MyHydro* dengan tenaga hijau.